

Headline **AIM labur RM4j kempen kesihatan**  
Date **23 Aug 2011**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Bisnes**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **36**  
Article Size **116 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,336**  
PRValue **10,007**




## AIM labur RM4j kempen kesihatan

**A**BBOTT International Malaysia (AIM), syarikat penjagaan kesihatan terkemuka yang berpangkalan di Amerika Syarikat melabur sebanyak RM4 juta bagi kempen dan pendidikan kesihatan di negara ini.

Pengurus Besarnya, Muru Annamalai berkata, pelaburan itu menandakan pertumbuhan Abbott yang semakin berkembang dan komitmen berterusan syarikat yang kini berada di pasaran 130 buah negara.

"Komitmen Abbott berterusan meliputi program kemasyarakatan termasuk memberi rawatan penjagaan yang lebih baik untuk pesakit buah pinggang kronik, pemakanan tambahan untuk kesihatan yang berterusan dan kesejahteraan kanak-kanak di rumah anak yatim.

"Sokongan pendidikan turut diberikan melalui kerjasama dengan Monash University, Kampus Sunway serta program kemasyarakatan termasuk Wira (MY Wanita Malaysia Arthritis Rheumatoid, program pendidikan kesihatan seperti 'International Aids Memorial'



MURU...tingkat kesedaran

dan 'Positif Audacious Lifting' untuk meningkatkan kesedaran penyakit kronik," katanya pada majlis sambutan ulang tahun ke-45 syarikat itu di Malaysia yang dihadiri Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia Paul W Jones, semalam.

Beliau berkata, AIM adalah sebuah syarikat penjagaan kesihatan terkemuka di negara ini yang menyediakan produk penjagaan kesihatan meliputi bidang farmaseutikal, pemakanan, diagnostik, vaskular dan kencing manis yang kini berkembang pesat.